

**Jangan politikkan penubuhan RCI tangani pendatang asing Sabah**  
**Utusan Online**  
**14 Ogos, 2012**

KOTA BELUD 13 Ogos - Pihak-pihak tertentu diingatkan tidak sesekali mempolitikkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai kehadiran pendatang asing di Sabah demi kepentingan agenda politik sempit.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal menegaskan, keputusan itu jelas membuktikan keikhlasan dan kesungguhan kerajaan menyelesaikan masalah yang disuarakan rakyat dan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah.

"Saya yakin tiada negara di dunia ini yang tidak ingin mempunyai penentuan undang-undang tentang siapa yang boleh masuk dan keluar ke dalam negara, siapa yang boleh diberi kewarganegaraan atau taraf penduduk tetap.

"Terma rujukan RCI ini amat jelas dan telus, ditambah dengan kredibiliti dan integriti ahlinya yang diyakini akan menghasilkan keadilan dan kesaksamaan berlandaskan pertimbangan lunas undang-undang dan kemanusiaan," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa bersama penduduk di daerah ini semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan RCI itu akan menyiasat semua aspek isu berkenaan termasuk bilangan mereka yang diberikan kad pengenalan biru, kewarganegaraan dan sama ada didaftarkan sebagai pemilih.

Mohd. Shafie yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, RCI amat penting bagi menjelaskan status segelintir rakyat tempatan yang tidak mempunyai sijil lahir kerana kedudukan mereka amat jauh di pedalaman hingga menyukarkan untuk melakukan urusan pendaftaran kelahiran.

"Berdasarkan kepada pertimbangan wajar, jangan pula mereka ini diiktiraf sebagai pendatang asing kerana fokus utama RCI ialah bagi memastikan pendatang asing itu tidak mendapat kemudahan sama seperti rakyat lain, sekali gus menafikan hak rakyat tempatan.

"Melalui RCI ini nanti juga diharapkan kaedah terbaik mengenai hak penduduk tempatan dapat ditentukan untuk mereka mendapat surat beranak, kad pengenalan dan sebagainya," katanya.

Pada masa sama, Mohd. Shafie berkeyakinan penuh RCI itu akan dapat menghasilkan kaedah atau cadangan terbaik bagi menangani masalah kehadiran pendatang asing di Sabah dalam tempoh enam bulan.

"Mungkin ia bukan sepenuhnya tetapi sekurang-kurangnya mampu meredakan masalah ini yang sudah berlarutan sejak berpuluh-puluh tahun lalu. Apa yang penting ia mesti mengikut lunas undang-undang dan tidak didorong kepentingan politik," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120814/po\\_04/Jangan-politikkan-penubuhan-RCI-tangani-pendatang-asing-Sabah](http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120814/po_04/Jangan-politikkan-penubuhan-RCI-tangani-pendatang-asing-Sabah)

